



## OCBC EASY PAYMENT PLAN

### Terms & Conditions

---

1. Easy Payment Plan (“EPP”) is offered by OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“OCBC Bank”) to eligible customers who hold one or more currently valid credit cards issued by OCBC Bank (“OCBC Cards”) as the principal cardmember, and whose credit card accounts are well conducted within OCBC Bank’s sole and absolute discretion at the time of the application for EPP (customers who fulfil OCBC Bank’s eligibility criteria are called “Cardmembers”), subject to the terms and conditions herein.
2. EPP allows a Cardmember to convert the whole of his/her Eligible Purchases (as defined below) and repay the Approved Amount (as defined below) by way of fixed monthly instalments. The Cardmember’s line of credit must be sufficient to cover both the Approved Amount (defined below) and One Time Handling Fee (defined below) at the time of the application.
3. “Eligible Purchases” means retail purchases in a single receipt charged to an OCBC Card and fulfilling all the following conditions:
  - (a) The minimum amount of the Eligible Purchases to be converted under each EPP application is RM500. This minimum amount may be revised by OCBC from time to time and notified to a Cardmember upfront when he/she applies for EPP;
  - (b) The Eligible Purchases must have been posted by the merchant<sup>1</sup> and debited from the Cardmember’s OCBC Card account to form part of the “**Statement Balance Due**”<sup>2</sup>; and
  - (c) When the Cardmember applies for EPP, the Eligible Purchases are incurred within the past 15 days (“**Transaction Date**”<sup>2</sup> is within 15 days prior to EPP application) or are not past the “**Payment Due Date**”<sup>2</sup>.

Notes:

<sup>1</sup>OCBC Bank has the rights to reject the EPP if the merchant has refunded for such transaction.

<sup>2</sup>The terms “**Statement Balance Due**”, “**Transaction Date**” and “**Payment Due Date**” are used and reflected accordingly in the Cardmember’s OCBC Card account monthly statements.

4. EPP shall not be applicable to cash advances, Call-for-Cash, quasi-cash, balance transfers, retail transactions less than the minimum amount specified, any existing instalment payment schemes of OCBC Bank or other financial institutions, settlement of annual fees, outstanding balances or other charges that may be imposed by OCBC Bank under the OCBC Cardmember’s Agreement.

5. A Cardmember may apply for EPP to convert the amount of Eligible Purchases, subject always to OCBC Bank's sole discretion to:
- (a) approve the Cardmember's application at the amount applied for by the Cardmember (the amount approved by OCBC Bank pursuant to this EPP programme to be converted shall be called "**Approved Amount**") provided that the Approved Amount shall be subject to the minimum amount of RM500; or
  - (b) reject the Cardmember's application.

If OCBC Bank approves a Cardmember's application, upon approval the corresponding amount of the Cardmember's line of credit will be reserved for the EPP and the Cardmember's credit limit reduced to the extent of the Approved Amount. OCBC Bank shall not be liable for any transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.

6. A Cardmember shall pay a one-time handling fee ("**One Time Handling Fee**") calculated on the Approved Amount based on the tenure selected by the Cardmember ("**EPP Tenure**") (please see Table 1 below on the EPP Tenures available for selection). The One Time Handling Fee will be billed to the Cardmember's OCBC Card account on the first month upon approval and payable on the due date shown in the Cardmember's OCBC Card account statement.

**TABLE 1**

<b>One Time Handling Fee</b>	<b>EPP Tenure</b>	<b>Minimum Purchase Amount</b>
4% of Approved Amount	5 months	RM500
6% of Approved Amount	10 months	RM500
7% of Approved Amount	20 months	RM500

The One Time Handling Fee shall be subject to change from time to time at OCBC Bank's sole discretion and notified to the Cardmember upfront when he/she applies for EPP.

7. The amount of the monthly instalments payable is calculated by dividing the Approved Amount by the EPP Tenure (in months) and will be reflected in the Cardmember's OCBC Card account statements and shall be paid in full by the Cardmember punctually until fully settled. Table 2 below provides some illustrations of how instalment amounts are calculated:

**TABLE 2**

<b>Approved Amount</b>	<b>One Time Handling Fee</b>	<b>EPP Tenure</b>	<b>Monthly Instalment</b>
RM2,000	RM80	5 months	RM400 a month
RM2,000	RM120	10 months	RM200 a month
RM2,000	RM140	20 months	RM100 a month

8. No additional interest will be charged in respect of the Approved Amount PROVIDED THAT :
  - (a) there is no all outstanding balance in the Cardmember's OCBC Card account as shown in the last monthly statement issued prior to the EPP approval date; and
  - (b) The Cardmember pays the "**Statement Balance Due**" in full before the "**Payment Due Date**" stated in the Cardmember's OCBC Card account monthly statements for the entire duration of the EPP Tenure.

If a Cardmember fails to do (a) or (b) above, the entire outstanding balance in the OCBC Card account (including the EPP monthly instalment amount billed) will be subject to the finance charge of one point five per centum (1.5%) per month or eighteen per centum (18%) per annum or the prevailing regulated interest rate until the date of full repayment.
9. Once the Cardmember's EPP application is approved by OCBC Bank, the Cardmember is not at liberty to change the EPP Tenure and/or the monthly instalment amount.
10. The Cardmember shall punctually pay each monthly instalment by the "**Payment Due Date**" stated in the Cardmember's OCBC Card account statement, and the monthly instalments will commence as stated in the OCBC Card account statement for the statement date immediately next following OCBC Bank's approval of the application.
11. If the Cardmember wants to early settle the EPP outstanding balance, the Cardmember shall give notice to OCBC Bank. The Cardmember shall continue to pay the monthly instalment amount stated in the OCBC Card account statement, until the Cardmember is billed the EPP outstanding balance. However, the One Time Handling Fee is payable in full upon approval of an EPP application and is not refundable when the Cardmember wants to early settle the EPP before maturity of the EPP Tenure.
12. Upon occurrence of any of the following events:
  - (a) the Cardmember's OCBC Card account(s) with OCBC Bank is/are cancelled, terminated or closed for whatever reason; or
  - (b) the Cardmember defaults in paying the "**Minimum Payment**"\* stated in the OCBC Card monthly statement for any three (3) or more consecutive months; or
  - (c) the Cardmember has committed or is suspected of committing any fraudulent or wrongful acts,

the entire outstanding monthly instalments under this EPP programme (i.e. all monthly instalments which are unpaid, including monthly instalments for the remainder of the EPP Tenure, referred to as "**Indebtedness**") shall immediately become due and payable by the Cardmember, whereupon the OCBC Cardmember's Agreement shall apply to the Indebtedness, including the imposition of the finance and late payment charges. This shall be in addition and without prejudice to OCBC Bank's rights under the OCBC Cardmember's Agreement in relation to all monies charged and all liabilities incurred by the Cardmember through the use of his/her OCBC Card(s) upon occurrence of any of the above events.

\*“**Minimum Payment**” is defined as

a) the aggregate of the following

(i) 5% of your OCBC Card outstanding balance excluding the contracted monthly instalments referred in (ii) below; and

(ii) 100% of all your contracted monthly instalment amounts, including EPP Monthly Instalment; or

b) RM50,

whichever is higher.

13. The Approved Amount and One Time Handling Fee shall not be eligible for OCBC Rebate Programme.
14. Each EPP application by a Cardmember is subject to the EPP Terms and Conditions updated as at the EPP application date and the latest EPP Terms and Conditions will be informed and given to the Cardmember when he applies for EPP. OCBC Bank may change or vary any of the EPP Terms and Conditions from time to time and a Cardmember may expect each EPP application to be subject to changed or varied terms. OCBC Bank may withdraw or terminate the EPP programme in entirety or certain features in the EPP programme (such as removing the 5-month tenure in Table 1 above or any other features), in which case such EPP programme or features in the EPP programme which are withdrawn or terminated will no longer be available to any Cardmember. Such changes, variations, withdrawal or termination should not affect an EPP which has been previously approved for specific Eligible Purchases, save and except where OCBC Bank may no longer continue with an approved EPP due to changes in laws, regulations or policies.
15. All decisions in relation to the EPP application (including whether or not to approve or reject the EPP application) are subject to the final decision of OCBC Bank, whose decision shall be final, conclusive and binding on the Cardmember.
16. The OCBC Cardmember’s Agreement shall continue to apply to the Cardmember’s use of the OCBC Cards. In the event of inconsistency between these Terms and Conditions and the OCBC Cardmember’s Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the EPP.
17. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

## OCBC Pelan Bayaran Mudah

### Terma & Syarat

---

1. Pelan Bayaran Mudah (“PBM”) ditawarkan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“OCBC Bank”) kepada para pelanggan yang layak dengan memegang satu atau lebih kad kredit yang sah yang dikeluarkan oleh OCBC Bank (“Kad OCBC”) sebagai pemegang kad prinsipal, dan akaun kad kredit tersebut dikendalikan dengan baik menurut budi bicara mutlak OCBC Bank pada masa permohonan untuk PBM dibuat (pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan OCBC Bank dipanggil “Pemegang Kad”), tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di sini.
2. PBM membenarkan Pemegang Kad menukar keseluruhan Pembelian yang Layak (yang ditakrifkan di bawah)-nya dan membayar balik Jumlah yang Diluluskan (yang ditakrifkan di bawah) melalui ansuran bulanan tetap. Had kredit Pemegang Kad mestilah mencukupi untuk menampung kedua-dua Jumlah yang Diluluskan (yang ditakrifkan di bawah) dan Yuran Pengendalian Satu Kali (yang ditakrifkan di bawah) pada masa permohonan.
3. “Pembelian yang Layak” bermaksud pembelian runcit dalam satu resit yang dicaj kepada Kad OCBC dan memenuhi semua syarat berikut:
  - a) Jumlah minima Pembelian yang Layak untuk ditukar kepada setiap permohonan PBM ialah RM500. Jumlah minima ini mungkin diubah dari masa ke semasa dan akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dahulu apabila beliau memohon PBM;
  - b) Pembelian yang Layak mesti diselesaikan oleh peniaga<sup>1</sup> dan didebitkan dari akaun Kad OCBC Pemegang Kad untuk menjadi sebahagian daripada “**Baki Penyata yang Matang**”<sup>2</sup>; dan
  - c) Apabila Pemegang Kad memohon PBM, Pembelian yang Layak tersebut dicaj dalam tempoh 15 hari yang lalu (“**Tarikh Transaksi**”<sup>2</sup> adalah dalam tempoh 15 hari sebelum permohonan PBM) atau belum sampai “**Tarikh Akhir Pembayaran**”<sup>2</sup>.

#### Nota:

<sup>1</sup>OCBC Bank berhak untuk menolak PBM jika peniaga telah mengembalikan untuk transaksi tersebut

<sup>2</sup>Terma “**Baki Penyata yang Matang**”, “**Tarikh Transaksi**” dan “**Tarikh Akhir Pembayaran**” digunakan dan dinyatakan sewajarnya dalam penyata bulanan akau Kad OCBC Pemegang Kad.

4. PBM tidak boleh diguna untuk pendahuluan tunai, Call-for-Cash, quasi-cash, pemindahan baki, transaksi runcit kurang daripada jumlah minimum yang ditentukan, sebarang skim bayaran ansuran sedia ada OCBC Bank atau institusi kewangan lain, penyelesaian yuran tahunan, baki tertunggak atau caj-caj lain yang mungkin dikenakan oleh OCBC Bank di bawah Perjanjian Pemegang Kad OCBC.

5. Seseorang Pemegang Kad boleh memohon PBM untuk menukar Pembelian yang Layak, tertakluk pada budi bicara mutlak OCBC Bank untuk:
- meluluskan permohonan Pemegang Kad pada jumlah yang dimohon oleh Pemegang Kad (jumlah yang diluluskan oleh OCBC Bank menurut program PBM ini untuk ditukar akan dipanggil "**Jumlah Yang Diluluskan**") dengan syarat Jumlah Yang Diluluskan adalah tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM500; atau
  - menolak permohonan Pemegang Kad tersebut.
- Jika OCBC Bank meluluskan permohonan Pemegang Kad, sebaik sahaja diluluskan, jumlah had kredit Pemegang Kad yang berkenaan akan diketepikan untuk PBM dan had kredit Pemegang Kad dikurangkan ke takat Jumlah Yang Diluluskan. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana transaksi yang dinafikan oleh peniaga yang disebabkan oleh had kredit yang tidak mencukupi.
6. Pemegang Kad hendaklah membayar Yuran Pengendalian satu kali ("**Yuran Pengendalian Satu Kali**") yang dikira atas Jumlah Yang Diluluskan berdasarkan tempoh yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Tempoh PBM**") (sila lihat Jadual 1 di bawah untuk Tempoh PBM tersedia untuk pemilihan). Yuran Pengendalian Satu Kali akan dibilkan ke akaun(-akaun) kad kredit Pemegang Kad OCBC pada bulan pertama sebaik sahaja diluluskan dan hendaklah dibayar pada tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan dalam penyata akaun Kad OCBC Pemegang Kad.

**JADUAL 1**

Yuran Pengendalian Satu Kali	Tempoh PBM	Jumlah Pembelian Minima
4% dari Jumlah yang Diluluskan	5 bulan	RM500
6% dari Jumlah yang Diluluskan	10 bulan	RM500
7% dari Jumlah yang Diluluskan	20 bulan	RM500

Yuran Pengendalian Satu Kali adalah tertakluk pada perubahan yang mungkin berlaku dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlak OCBC Bank dan Pemegang Kad akan dimaklumkan dahulu sebelum beliau memohon PBM.

7. Jumlah Ansuran Bulanan yang perlu dibayar adalah dikira dengan membahagikan Jumlah Yang Diluluskan dengan Tempoh PBM (dalam bulanan) dan akan ditunjukkan dalam penyata akaun Kad OCBC Pemegang Kad dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh Pemegang Kad secara tepat sehingga diselesaikan sepenuhnya. Jadual 2 di bawah memberikan beberapa ilustrasi bagaimana jumlah ansuran dikira:

**JADUAL 2**

Jumlah yang Diluluskan	Yuran Pengendalian Satu Kali	Tempoh PBM	Ansuran Bulanan
RM2,000	RM80	5 bulan	RM400 sebulan
RM2,000	RM120	10 bulan	RM200 sebulan
RM2,000	RM140	20 bulan	RM100 sebulan

8. Tiada faedah tambahan akan dikenakan berhubung dengan Jumlah Yang Diluluskan, JIKA:
- Tiada baki tertunggak dalam akaun Kad OCBC Pemegang Kad yang ditunjukkan dalam penyata bulanan terakhir yang dikeluarkan sebelum tarikh permohonan PBM; dan
  - Pemegang Kad membayar "**Baki Penyata yang Matang**"\* sepenuhnya sebelum "**Tarikh Akhir Pembayaran**"\* yang dinyatakan dalam akaun Kad OCBC Pemegang Kad sepanjang tempoh PBM.

Sekiranya Pemegang Kad gagal melakukan (a) dan (b) di atas, keseluruhan Baki Tertunggak dalam akaun Kad OCBC itu (termasuk ansuran bulanan PBM yang dibilkan) akan dikenakan caj kewangan sebanyak satu persepuluh lima peratus (1.5%) sebulan atau lapan belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah yang dikawal selia sehingga tarikh pembayaran balik penuh.

\*Terma "**Baki Penyata yang Matang**" dan "**Tarikh Akhir Pembayaran**" digunakan dan dinyatakan sewajarnya dalam penyata bulanan akaun Kad OCBC Pemegang Kad.

9. Sebaik sahaja permohonan Pemegang Kad untuk PBM diluluskan oleh OCBC Bank, Pemegang Kad tidak lagi berhak untuk menukar Tempoh PBM dan/atau ansuran bulanan tersebut.
10. Pemegang Kad hendak membayar setiap ansuran bulanan dengan tepat sebelum "**Tarikh Akhir Pembayaran**" yang dinyatakan dalam penyata akaun Kad OCBC Pemegang Kad dan ansuran bulanan akan bermula seperti yang tertera di dalam penyata akaun kad OCBC bagi tarikh penyata berikut sebaik sahaja permohonan diluluskan oleh OCBC Bank.
11. Jika Pemegang Kad berhasrat hendak dengan lebih awal menjelaskan baki tertunggak PBM, Pemegang Kad hendaklah memberikan notis kepada OCBC Bank. Pemegang Kad hendaklah meneruskan pembayaran ansuran bulanan yang tertera di dalam penyata akaun Kad OCBC, sehingga Pemegang Kad dibilkan jumlah penjelasan awal tersebut. Namun, Yuran Pengendalian Satu Kali adalah dibayar secara penuh apabila PBM diluluskan dan tidak boleh dikembalikan jika Pemegang Kad ingin menjelaskan PBM dengan lebih awal sebelum tempoh PBM menjadi matang.
12. Sekiranya mana-mana peristiwa berikut terjadi:
- akaun kad kredit Pemegang Kad dengan OCBC Bank dibatalkan, ditamatkan atau ditutup atas apa jua sebab; atau
  - Pemegang Kad gagal membayar "**Bayaran Minima**"\* yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad OCBC untuk mana-mana tiga (3) bulan berturut-turut; atau
  - Pemegang Kad telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa kesalahan atau tindakan penipuan,

keseluruhan ansuran bulanan yang tertunggak di bawah program PBM ini (iaitu semua ansuran bulanan yang belum dibayar, termasuk ansuran bulanan untuk baki Tempoh PBM, dirujuk sebagai "**Keberhutangan**") akan terus menjadi matang dan perlu dibayar dengan segera, yang mana Keberhutangan adalah tertakluk pada Perjanjian Pemegang Kad OCBC, termasuk pengenaan caj kewangan dan caj bayaran lewat. Ini adalah tambahan dan tanpa menjejaskan hak OCBC Bank di bawah Perjanjian Pemegang Kad OCBC kepada semua bayaran yang dikenakan dan semua liabiliti yang ditanggung oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad OCBC beliau semasa berlaku berlakunya mana-mana peristiwa di atas.

\*"**Bayaran Minima**" ditakrifkan sebagai

- a) jumlah agregat untuk yang berikut
  - (i) 5% daripada baki tertunggak tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah; dan
  - (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk ansuran bulanan PBM; atau
- b) RM50,  
yang mana lebih tinggi.

13. Jumlah Yang Diluluskan dan Yuran Pengendalian Satu Kali tidak layak untuk Program Rebat OCBC.
14. Setiap permohonan PBM oleh Pemegang Kad adalah tertakluk pada Terma dan Syarat PBM yang dikemaskini pada tarikh permohonan PBM dan Terma dan Syarat PBM terkini akan dimaklumkan dan diberikan kepada Pemegang Kad apabila beliau memohon PBM. OCBC Bank boleh mengubah atau menukar mana-mana Terma dan Syarat PBM dari masa ke semasa dan Pemegang Kad boleh menjangka setiap permohonan PBM adalah tertakluk kepada terma yang berbeza. OCBC Bank boleh menarik balik atau menghentikan program PBM secara keseluruhannya atau ciri-ciri PBM tertentu (seperti membatalkan tempoh 5 bulan dalam Jadual 1 di atas atau ciri lain), yang mana program PBM itu atau ciri PBM yang ditarik balik atau ditamatkan itu tidak akan lagi tersedia kepada mana-mana Pemegang Kad. Perubahan, variasi, penarikan balik atau penamatan sedemikian tidak akan menjejaskan PBM yang telah diluluskan sebelum ini untuk Jumlah yang Diluluskan tertentu, kecuali dan jika OCBC Bank tidak dapat meneruskan dengan PBM yang diluluskan lagi disebabkan perubahan dalam undang-undang, peraturan atau dasar.
13. Semua keputusan berkaitan dengan permohonan PBM (termasuk sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan PBM dan lain-lain) adalah tertakluk pada keputusan akhir OCBC Bank, dan keputusan itu adalah yang terakhir, muktamad dan mengikat pada Pemegang Kad.
14. Perjanjian Pemegang Kad OCBC akan terus digunakan pada penggunaan kad kredit Pemegang Kad OCBC. Sekiranya wujud sebarang perkara yang tidak konsisten di antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad OCBC, Terma dan Syarat ini akan digunakan selagi ianya berkenaan dengan PBM.
15. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia.